

# Mohon periksa pegawai LHDN

UM - 30/9/2021 mlb: 4


**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memohon untuk memeriksa lima pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang mengikrarkan affidavit mereka berhubung notis kebangkrutan terhadap bekas Perdana Menteri itu kerana gagal membayar tunggakan cukai tambahan berjumlah RM1.69 bilion kepada LHDN.

Menurut laporan *Bernama*, peguam Wee Yeong Kang yang mewakili Najib berkata, permohonan itu difailkan pada 22 September lalu mengikut Kaedah 47 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017.

Najib, 68, memohon untuk mendapatkan perintah mahkamah bagi melakukan pemeriksaan ke atas lima pegawai terbabit atas alasan LHDN gagal memberi butiran bagaimana pengiraan jumlah keseluruhan cukai dikenakan terhadapnya.

Yeong Kang berkata, ketika pengurusan kes secara dalaman (Zoom) di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Ida Rahayu Sharif semalam, LHDN memaklumkan mereka akan memfailkan permohonan untuk membatalkan permohonan pemeriksaan berkenaan.

“Mahkamah kemudian me-



**NAJIB TUN RAZAK**

ngarahkan LHDN memfailkan permohonan itu pada 13 Oktober ini dan pengurusan kes selanjutnya ditetapkan pada 9 November,” katanya.

Peguam Kanan Hasil, Al-Hummidallah Idrus mewakili LHDN yang turut serta dalam prosiding itu, ketika dihubungi mengesahkan perkara berkenaan.

Kerajaan melalui LHDN memfailkan notis kebangkrutan di Mahkamah Tinggi di sini pada 4 Februari lalu terhadap Najib, selaku penghutang.

Berdasarkan notis itu, Najib perlu membayar RM1.69 bilion dengan lima peratus kadar faedah setahun atas jumlah baki dari 22 Julai 2020 (tarikh keputusan Mahkamah Tinggi) hingga 4 Februari 2021 iaitu RM45.9 juta dan kos RM15,000 serta setakat 4 Februari 2021, jumlah itu menjadi RM1,738,804,204.16.

Pada 22 Julai tahun lalu, Mahkamah Tinggi memutuskan Najib perlu membayar tunggakan cukai tambahan LHDN bagi tempoh 2011 hingga 2017 berjumlah RM1.69 bilion, selepas membenarkan permohonan LHDN memasukkan penghakiman terus terhadapnya.

Penghakiman terus ialah apabila mahkamah memutuskan kes melalui affidavit dan hujahan saksi dalam perbicaraan.

Pada 9 September lalu, Mahkamah Rayuan turut mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi itu selepas menolak rayuan Najib.

Najib pada 13 September lalu, memfailkan permohonan kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan itu.